



FAKTOR PENYERTAAN SOSIAL DAN MOTIVASI TERHADAP KEMAHIRAN KOMUNIKASI KEPIMPINAN DALAM KALANGAN PEMIMPIN BELIA

*Mohd Hazlami Jusoh**, *Mohd Yusri Ibrahim & Che Hasniza Che Noh*
mohdhazlamijusoh@gmail.com

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, Malaysia

ABSTRAK

Generasi belia merupakan aset yang sangat bernilai kepada negara. Mereka merupakan generasi kini yang menjadi tunjang terhadap kepimpinan negara pada masa hadapan. Selari dengan itu, amalan komunikasi kepimpinan dalam kalangan belia merupakan asas yang penting bagi membentuk pemimpin belia yang bersifat holistik. Namun, amalan komunikasi kepimpinan belia masih berada pada tahap yang sederhana. Pelbagai faktor yang mendorong terhadap amalan komunikasi kepimpinan belia ini. Kertas konsep ini bertujuan untuk membincangkan faktor yang dijangka mempengaruhi kemahiran komunikasi kepimpinan dalam kalangan pemimpin belia. Antaranya adalah faktor penyertaan sosial dan motivasi yang memberi kesan terhadap tingkat kemahiran komunikasi kepimpinan belia. Faktor-faktor ini dilihat menjadi pendorong terhadap generasi belia untuk menjadi pemimpin sama ada di peringkat persatuan, organisasi mahupun komuniti.

1. PENGENALAN

Perkembangan terhadap pembangunan negara yang pesat bersandar kepada kemajuan dan kecanggihan teknologi yang berinovatif, dinamik dan maju ke hadapan untuk bersaing untuk menempuh ekonomi yang kompetatif dan mencabar. Hasrat negara Malaysia berpaksikan kepada teras menjelang negara maju adalah tunjang bagi melahirkan generasi ke arah untuk melahirkan modal insan yang mempunyai sifat holistik. Ini termasuklah penguasaan terhadap kemahiran komunikasi dan kepimpinan. Kebolehan dari segi kepimpinan adalah salah satu aspek yang penting bagi melahirkan sebuah masyarakat yang lebih bersatu padu [1]. Bagi mengasah sifat kepimpinan ini, generasi muda belia adalah signifikan sebagai permulaan terhadap pembentukan sebuah negara maju yang dibentuk dan dilentur dari akar umbi.

Belia digelar generasi muda, golongan remaja mahupun generasi Y. Namun begitu, belia merupakan tahap perkembangan dalam kehidupan seseorang individu terhadap satu tempoh peralihan dari pergantungan zaman kanak-kanak ke alam dewasa [2]. Perubahan belia ini juga merupakan suatu tempoh terhadap proses kematangan yang dipelajari dari persekitaran yang dilalui dan dipelajari oleh mereka dari semasa ke semasa. Walaupun begitu, pengelasan definisi belia banyak diukur melalui peringkat umur belia. Pertubuhan Komanwel menggariskan belia berumur 15 hingga 29 tahun. Di Malaysia sendiri, belia dikategorikan sebagai individu yang berada dalam lingkungan umur 15 hingga 40 tahun [3].

Selain itu, belia adalah penduduk yang penting kerana mereka membentuk masa depan negara [4]. Generasi belia merupakan kelompok yang sangat kritikal di negara ini ekoran belia merupakan kumpulan demografi yang begitu signifikan dalam menentukan hala tuju pembangunan sesebuah negara di mana komitmen dan usaha yang berterusan melalui kepimpinan generasi belia menjadi asas serta tonggak utama dalam membentuk serta meningkatkan fungsi generasi belia bukan sahaja di peringkat global, malah cemerlang di peringkat global [5]. Ini kerana, generasi belia selaku pewaris akan datang menjadi tunjang dalam merancang dan membentuk pembangunan negara [6-7]. Berpegang kepada matlamat tersebut, generasi belia harus mempunyai suatu kemahiran yang khusus bagi menjadi seorang pemimpin yang berkualiti. Dalam menjadi seorang pemimpin, generasi belia ini harus menekankan kemahiran komunikasi kepimpinan dalam kalangan mereka. Ini kerana, kemahiran komunikasi kepimpinan merupakan sesuatu yang penting kepada belia dalam membentuk proses kepimpinan sama ada di peringkat organisasi, persatuan, komuniti atau masyarakat.

Amalan komunikasi kepimpinan dalam kalangan belia harus dipelajari dari semasa ke semasa. Kemahiran ini dipelajari melalui penglibatan serta penyertaan belia dalam lingkungan sosial sekeliling mereka dan masa yang sama seorang pemimpin belia harus mempunyai tingkat motivasi yang tinggi dalam meningkatkan kemahiran komunikasi kepimpinan. Seorang belia harus mewujudkan interaksi dan hubungan ke arah meningkatkan kecekapan komunikasi mereka. Kemahiran komunikasi ini adalah perlu kepada generasi belia dan ia juga membentuk hubungan yang positif untuk bekerja dalam satu pasukan, melihat perspektif pasukan serta menerima pakai keputusan dalam

kumpulan [8]. Namun begitu, belia hari ini dilihat gagal membentuk proses komunikasi melalui kepimpinan ekoran ada di antara mereka kurang aktif dalam melibatkan diri secara sosial. Mereka gagal menyerlahkan potensi kepimpinan yang ada dalam diri yang mana potensi ini harus dimanfaatkan dengan sebaiknya melalui komunikasi pemimpin yang berkesan.

Kertas konsep ini akan membincangkan faktor-faktor yang dijangka akan menyumbang kepada kemahiran komunikasi kepimpinan dalam kalangan pemimpin belia. Antara faktor yang dijangka menjadi penyumbang kepada kemahiran komunikasi kepimpinan dalam kalangan belia adalah penyertaan sosial dan motivasi. Faktor penyertaan sosial dan motivasi ini dilihat menjadi penyumbang terhadap hubungan kemahiran komunikasi kepimpinan dalam kalangan pemimpin belia untuk memimpin sama ada dalam organisasi, persatuan ataupun komuniti.

2. KOMUNIKASI KEPIMPINAN, PENYERTAAN SOSIAL DAN MOTIVASI

2.1. Komunikasi Kepimpinan

Pandangan mengenai komunikasi merupakan suatu bidang keilmuan yang luas [9]. Secara umumnya, komunikasi diklasifikasikan sebagai komunikasi verbal dan bukan verbal. Dalam erti kata lain komunikasi merupakan suatu interaksi antara pengirim kepada penerima dalam menyampaikan tujuan tertentu. Menurut [10] komunikasi merupakan proses pengurusan dan penerimaan mesej melalui simbol-simbol yang bermakna. Komunikasi juga melibatkan perkongsian satu orientasi terhadap satu set isyarat maklumat [11]. Kepimpinan pula merupakan pengaruh hubungan antara pemimpin dengan pengikut untuk mencapai maklumat dan objektif tertentu [12-13]. Ini bermakna seorang pemimpin memberi arahan kepada ahli-ahlinya untuk mencapai objektif yang dikehendaki dalam memastikan kejayaan individu ataupun organisasi yang dipimpin.

Justeru itu, komunikasi kepimpinan didefinisikan sebagai memberi inspirasi dan menggalakkan individu atau kumpulan melalui perkongsian maklumat yang sistematik dan bermakna dengan menggunakan kemahiran komunikasi yang baik [14]. Komunikasi kepimpinan juga merupakan suatu yang kompleks bermula dengan membangunkan strategi serta berkomunikasi dengan berkesan untuk mengawal sesuatu situasi. Apabila pemimpin meletakkan penekanan terhadap permulaan perbezaan dimensi transformasi

kepemimpinan, mereka akan menyampaikan jangkaan yang berbeza kepada pengikut serta akan mengarahkan tumpuan dan perhatian mereka dengan cara yang berbeza [15].

Seorang pemimpin dianggap sebagai individu yang bukan sahaja mencontohi tetapi yang paling penting mempunyai keupayaan untuk berkomunikasi dengan bercakap dengan komuniti [16]. Instrumen yang penting bagi seorang pemimpin adalah mendekati diri dengan komuniti setempat dan orang ramai khususnya bertanyakan, meyelesaikan serta bertindak terhadap sesuatu masalah yang berlaku dalam komuniti. Ini kerana, komunikasi merupakan aspek yang penting dalam menentukan kejayaan pemimpin di mana seorang pemimpin harus tahu bagaimana untuk berkomunikasi dengan pihak bawahan mahupun dengan orang lain [17].

2.2. Penyertaan Sosial

Penyertaan melibatkan pelbagai bentuk dan tahap penglibatan aktif dalam hubungan rangkaian dan kepunyaan komuniti [18]. Hubungan yang dibina ini merupakan rantaian bersama komuniti setempat ke arah membina ikatan sosial yang baik. Ringkasnya, penyertaan sosial merupakan penglibatan bersama terhadap aktiviti-aktiviti tertentu. Aktivi-aktiviti ini merupakan penglibatan individu dengan komuniti setempat sama ada secara formal atau tidak formal seperti aktiviti kesukarelawan, kemasyarakatan atau kekeluargaan.

Penyertaan sosial melibatkan aktiviti yang dapat membantu orang lain yang mana dapat menyumbang bukan sahaja kepada individu, malahan secara keseluruhannya termasuklah komuniti dan negara. Ini berikutan, penyertaan sosial sebagai menghadiri aktiviti luar seperti kelab-kelab sosial dan aktiviti sukarelawan [19]. Kenyataan ini disokong oleh [20] yang menyifatkan penyertaan sosial mengambil kira aktiviti secara individu, aktiviti sosial secara berkumpulan, kerja-kerja sukarela dan perhubungan interpersonal. Penyertaan bersama mampu membentuk kemahiran yang ada dalam diri terhadap aktiviti yang dilibatkan, malah dapat mengasah serta mencungkil bakat sedia ada ke arah aktiviti-aktiviti yang lebih sihat. Kesannya, memberi impak yang positif kepada individu itu bagi menonjolkan diri terhadap keyakinan dan kepercayaan diri yang tinggi terbina melalui melalui aktiviti-aktiviti yang disertai bersama.

Penyertaan sosial meningkatkan fungsi rangkaian sosial yang membolehkan ahli bergerak secara aktif dan mengekalkan rangkaian sosial [21]. Ikatan dalam sokongan sosial merupakan masa yang dihabiskan dalam interaksi sosial melalui aktiviti sosial serta penglibatan sepanjang penyertaan sosial itu [22]. Tambahan pula, penerimaan sosial dalam kalangan individu bukan sahaja mewujudkan dirinya dalam kalangan interaksi sosial, tetapi juga dapat memudahkan interaksi sosial [23]. Dari perspektif individu, perasaan dan mempunyai rakan adalah penting dalam mewujudkan pengalaman yang positif melalui penyertaan sosial [23].

2.3. Motivasi

Motivasi memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia. Ini kerana, motivasi merupakan sokongan dan dorongan dari aspek luar dan dalam diri yang menjadi pengaruh terhadap tingkat untuk manusia berubah dan mencapai arah tujuannya. Pada dasarnya motivasi adalah suatu usaha menggerakkan, mengarahkan dan menjaga tingkah laku seseorang yang mendorong untuk bertindak melakukan sesuatu sehingga mencapai hasil atau tujuan tertentu [24]. Motivasi dapat menyebabkan seseorang itu menunjukkan tingkah laku yang baik [25]. Tingkah laku seseorang itu hakikatnya ditentukan oleh keinginannya untuk mencapai beberapa tujuan [26]. Keinginan itu merupakan suatu keadaan internal seseorang yang menyebabkan hasil usaha tertentu [27]. Pada akhirnya keinginan menjadi motivasi [26].

Motivasi memainkan peranan terhadap kawalan diri dalam proses pembelajaran dan mewujudkan keyakinan diri ketika melibatkan diri terhadap tugas aktiviti yang dipelajari [28]. Peranan terhadap kawalan diri ini berupaya meningkatkan kepercayaan diri untuk melaksanakan sesuatu dengan lebih yakin dan bersemangat. Namun, motivasi terhadap kerja merupakan keseluruhan proses pemberian terhadap memotivasi pekerja sehingga mereka mampu melaksanakan tugas dengan maksimum demi mencapai tujuan organisasi dengan efisien dan cermat [29].

Motivasi merupakan faktor yang penting bagi menentukan seorang individu dalam melaksanakan kerja yang berkualiti tinggi. Dalam masa yang sama, seorang yang bermotivasi akan berusaha meningkatkan keupayaan diri supaya lebih berkemahiran dalam sesuatu bidang. Ini kerana, motivasi merupakan respon pekerja terhadap

sejumlah penyertaan mengenai keseluruhan usaha yang timbul dalam diri pekerja tersebut yang wujud daripada dorongan untuk melaksanakan kerja bagi mencapai tujuan yang dikehendaki [26]. Tegas [26] lagi, lingkungan kerja itu haruslah meliputi segala yang wujud di sekitar tempat kerja tersebut sama ada secara fizikal atau tidak serta secara langsung atau tidak langsung yang mana dapat mempengaruhi diri dan pekerja lain di waktu melaksanakan sesuatu pekerjaan. Justeru, situasi ini akhirnya dapat meningkatkan tingkat motivasi seseorang pekerja itu.

2.4. Peranan Penyertaan Sosial dan Motivasi terhadap Komunikasi Kepimpinan

Komunikasi kepimpinan merupakan penyampaian dan perkongsian maklumat kepada orang lain dengan kemahiran-kemahiran tertentu yang dimiliki oleh pemimpin dengan menggunakan amalan komunikasi yang baik untuk berinteraksi dengan orang sekeliling dan pengikut. Kemahiran-kemahiran seperti interpersonal, menyelesaikan masalah dan komunikasi pemujukan harus ada dalam diri seorang pemimpin organisasi dengan menyelami nilai norma yang lebih mendalam terhadap individu lain. Walaupun begitu, apa yang lebih penting pemimpin mempengaruhi dan mengubah sikap serta tingkah laku pengikut melalui komunikasi kepimpinan yang lebih sistematik, transformasi, bermotivasi dan bermakna. Dalam konteks ini, pemimpin mesti meletakkan satu standard untuk komunikasi di mana pemimpin harus menjadi contoh yang terbaik kepada individu, masyarakat, komuniti, ahli kumpulan mahupun organisasi. Justeru itu, dalam meningkatkan kemahiran komunikasi kepimpinan, seorang pemimpin haruslah melibatkan diri dengan aktiviti sosial dan dalam masa yang sama harus mempunyai tingkat motivasi yang tinggi.

Kajian terhadap penyelidikan lepas menunjukkan terdapat hubungan antara penyertaan sosial dan motivasi terhadap kemahiran komunikasi kepimpinan. Ini kerana, apabila seorang pemimpin itu melibatkan diri dengan sesuatu aktiviti, ia secara tidak langsung akan meningkatkan proses komunikasi pemimpin itu. Penglibatan melalui aktiviti mewujudkan interaksi dengan orang lain dalam masyarakat [30]. Menurut [31] proses ini bukan melibatkan interaksi interpersonal sahaja. Interaksi ini dipelajari dari semasa ke semasa dengan masyarakat melalui penyertaan sosial mereka. Malahan, penyertaan sosial dan komunikasi merupakan elemen permulaan dalam kehidupan sosial manusia

yang mana komunikasi dan penyertaan yang aktif membentuk rangkaian sosial dan persepsi diri [32].

Kajian [33] pula menunjukkan komunikasi pemimpin memberi kesan kepada motivasi. Motivasi yang wujud sama ada dalaman dan luaran seseorang itu memainkan peranan emosi seorang pemimpin itu supaya lebih bermotivasi. Seterusnya, apabila seorang itu bermotivasi untuk berubah, maka ia secara langsung memupuk amalan pemimpin itu untuk memiliki kemahiran dalam komunikasi kepimpinan. Dalam masa yang sama, mereka akan meningkatkan motivasi mereka untuk melakukan yang terbaik untuk mencapai matlamat dalam masa yang singkat [34]. Malahan, komunikasi pemimpin ini membawa pengikut untuk menjadi lebih bermotivasi terhadap perancangan dan seterusnya menyokong lebih banyak apa yang dilakukan oleh pemimpin itu [33]. Ini akan meningkatkan motivasi untuk merealisasikan rancangan pemimpin dan membawa kepada lebih banyak sokongan pemimpin melalui proses komunikasi yang berkesan.

3. KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membincangkan faktor-faktor yang dijangka mempengaruhi kemahiran komunikasi kepimpinan dalam kalangan pemimpin belia. Melalui tinjauan sorotan-sorotan lepas menunjukkan penyertaan sosial dan motivasi menunjukkan faktor yang mempengaruhi kemahiran komunikasi kepimpinan khususnya dalam kalangan belia. Seorang belia yang bakal menjadi pemimpin pada masa akan datang haruslah memiliki suatu kemahiran yang khusus dalam membentuk amalan kepimpinan yang berkualiti. Antara aspek kepimpinan tersebut adalah kemahiran berkomunikasi. Ini kerana, kemahiran berkomunikasi ini merupakan suatu pelengkap kepada belia itu dalam mewujudkan jaringan interkasi sama ada dalam organisasi, persatuan atau komuniti terhadap sesuatu proses dalam memimpin.

Justeru itu, belia harus melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti dalam meningkatkan kemahiran komunikasi kepimpinan ini. Ini berikutan, belia merupakan agen sosial yang begitu dekat dan sangat signifikan dengan masyarakat. Jaringan dan ikatan sosial dapat dibina secara bersama dalam komuniti sosial khususnya melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, kesukarelawan ataupun kekeluargaan. Dari sinilah belia itu mempelajari proses kepimpinan yang mana belia sentiasa berkomunikasi dengan

masyarakat sekeliling seperti rakan sebaya, kejiranan dan keluarga. Begitu juga dengan faktor motivasi. Tingkah laku belia amat berkait rapat dengan motivasi. Ini kerana, komunikasi akan mendorong seseorang untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang berhubungan dengan tujuan mereka [35]. Hasil dorongan ini menjadikan belia berupaya dalam meningkatkan kemahiran komunikasi kepimpinan dalam kalangan belia tersebut.

Oleh itu, dalam meningkatkan keupayaan terhadap komunikasi kepimpinan belia, semua pihak boleh mengambil peranan dalam memastikan belia menjadi seorang pemimpin yang baik. Peranan masyarakat seperti komuniti setempat boleh mengadakan lebih banyak aktiviti-aktiviti seperti hari sukan, gotong-royong dan banyak lagi. Dalam masa yang sama biarkan peranan belia sebagai orang muda menguruskan aktiviti-aktiviti tersebut supaya mereka boleh menimba pengalaman dalam aktiviti yang diuruskan. Selain itu, pihak kerajaan bersama institusi-institusi pendidikan boleh mengadakan program-program berkenaan motivasi kepada belia ini. Tidak kurang juga ibu bapa, ahli-ahli keluarga, rakan sebaya dan warga pendidik digalakkan memberi dorongan secara interpersonal dalam meningkatkan keupayaan komunikasi kepimpinan belia. Keadaan ini adalah penting kerana belia bukan sahaja menjadi pewaris untuk generasi pada masa akan datang, malah belia juga bakal menjadi pemimpin kepada perancangan dan pembangunan negara. Oleh itu, adalah baik jika negara mempunyai belia yang berkualiti, berilmu, berwawasan serta berkempimpinan.

RUJUKAN

- [1] Ahmad Esa, Kamarudin Khalid & Sarebah Warman. 2014. Penerapan dan Kesedaran Kemahiran Kepimpinan menerusi Kokurikulum Silat dalam Kalangan Pelajar UTHM. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pembangunan Holistik Pelajar (NAHSDEC).
- [2] Safiah Suhaimi, Siti Alida John Abdullah, Rozita Arshad, Asmah Laili Yeon, Alias Azhar & Zainal Amin Ayub. 2016. Penyertaan Belia dalam Pembuatan Keputusan Melahirkan Kemahiran Kepimpinan. Proceeding of The International Conference on Government & Public Affairs 2016 (ICOGPA2016).
- [3] Dasar Pembangunan Belia Negara 1997, diakses pada 08 Oktober 2019 dari <http://www.ippbm.gov.my/dokumen/DPN.pdf>.
- [4] Samsul Farid Samsuddin, Siti Zobidah Omar, Bahaman Abu Samah & Jusang Bolong. 2016. Potential Benefits of ICT towards Rural Positive Youth Development in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 6(5), 2222-6990.
- [5] Majlis Belia Negara. (2015). Mendepani Cabaran Kepimpinan Belia, diakses pada 10 Oktober 2019 dari <http://belia.org.my/wp/2015/08/06/mendepani-cabaran-kepemimpinan-belia/>
- [6] Azrina Mazlin Alias & Vishalache Balakrishnan. 2016. Impak Kesukarelawan dalam Kalangan Belia di Kuala Lumpur: Satu Kajian. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(4).
- [7] Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. 2012. Pendapat dan Keperluan Generasi Muda di

- Kawasan ParlimenMuar, Johor. *Journal of Social Science and Humanities*, 7(1), 50-63.
- [8] Solobutina, M. M. 2014. Personal Leadership is a Factor of Youth Social Activity. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 141, 1244-1248.
- [9] Ruben, B. D., & Gigliotti, R. A. 2017. Communication: Sine Qua Non of Organizational Leadership Theory and Practice. *International Journal of Business Communication*, 54(1), 12-30.
- [10] Che Hasniza Che Noh & Ab Aziz Yusof. 2011. *Kemahiran Komunikasi Interpersonal dalam Organisasi: Universiti Malaysia Terengganu*.
- [11] Schramm, W. 1997. The Nature of Communication between Human. *The Process and Effects of Mass Communication*, 3-53.
- [12] Willburn, P. T, Hackman, M. Z., & Criswell, C. 2008. Measuring organizational Vision Content and Articulation: Testing a Comprehensive Vision Model and Identifying Implications for Senior Executive Leaders. *Leadership Review*, 8, 113-136.
- [13] Peter, F. D. 1996. Your Leadership is Unique. *Good News: There is no One" Leadership Personality*. *Leadership Journal*, (4), 54.
- [14] Luthra, A., & Dahiya, R. 2015. Effective Leadership is All About Communicating Effectively: Connecting Leadership and Communication. *International Journal of Management & Business Studies (IJMBS)*, 5(3), 43-48.
- [15] Boies, K., Fiset, J., & Gill, H. 2015. Communication and Trust are Key: Unlocking the relationship between Leadership and Team Performance and Creativity. *The Leadership Quarterly*, 26(6), 1080-1094.
- [16] Suffian Hadi Ayuba, Norhayati Abd Manaf & Mohammad Rezal Hamzah. 2014. Leadership: Communicating strategically in the 21st century. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 155, 502-506.
- [17] Răducan, R., & Răducan, R. 2014. Communication Styles of Leadership Tools. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 149, 813-818.
- [18] Rainerm, S. 2014. Social Participation and Social Engagement of Elderly People. *J Health Soc Behav*, 2014(116), 780-5.
- [19] Niedzwiedz, C. L., Richardson, E. A., Tunstall, H., Shortt, N. K., Mitchell, R. J., & Pearce, J. R. 2016. The relationship between wealth and loneliness among older people across Europe: Is social participation protective?. *Preventive medicine*, 91, 24-31.
- [20] Hietanen, H., Aartsen, M., Kiuru, N., Lyyra, T-M., & Read, S. 2016. Social engagement from childhood to middle age and the effect of childhood socio-economic status on middle age social engagement: results from the National Child Development study. *Ageing and Society* 36, 482-507 doi:10.1017/S0144686X1400124x.
- [21] Putnam, R. 2000. *Bowling alone: The collapse and revival of American community*, New York: Simon & Schuster.
- [22] Levasseur, M., Richard, L., Gauvin, L., & Raymond, É. 2010. Inventory and analysis of definitions of social participation found in the aging literature: Proposed taxonomy of social activities. *Social Science & Medicine*, 71(12), 2141-2149.
- [23] Garrote, A., Dessemontet, R. S., & Opitz, E. M. 2017. Facilitating the social participation of pupils with special educational needs in mainstream schools: A review of school-based interventions. *Educational Research Review*, 20, 12-23.
- [24] Ghullam Hamdu & Lisa Agustina. 2011. Pengaruh Motivasi Belajar Siswa terhadap Prestasi Belajar IPA di Sekolah Dasar. *Jurnal penelitian pendidikan*, 12(1), 90-96.
- [25] Windy Aprilia Murty & Gunasti Hudiwinarsih. 2012. Pengaruh Kompensasi, Motivasi dan Komitmen Organisasional terhadap Kinerja Karyawan Bagian Akuntansi (studi kasus pada perusahaan manufaktur di Surabaya). *The Indonesian Accounting Review*, 2(02), 215-228.
- [26] Aurelia Potu. 2013. Kepemimpinan, Motivasi, dan Lingkungan Kerja Pengaruhnya terhadap Kinerja Karyawan pada Kanwil Ditjen Kekayaan Negara Suluttenggo dan Maluku Utara di Manado. *Jurnal EMBA: Jurnal Riset Ekonomi, Manajemen, Bisnis dan Akuntansi*, 1(4), 1208-1218.

- [27] Nazmah, N., Mariatin, E., & Supriyantini, S. 2017. Pengaruh Motivasi Kerja dan Keadilan Organisasi terhadap Organizational Citizenship Behavior (OCB). *Analitika*, 6(2), 114-123.
- [28] Feiz, J. P. 2016. Metacognitive Awareness and Attitudes towards Foreign Language Learning in the EFL Context of Turkey. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 232, 459-470.
- [29] Fakhrian Harza Maulana, Djahmur Hamid & Yuniadi Mayoan. 2015. Pengaruh Motivasi Intrinsik, Motivasi Ekstrinsik dan Komitmen Organisasi terhadap Kinerja Karyawan pada Bank Btn Kantor Cabang Malang. *Jurnal Administrasi Bisnis*, 22(1).
- [30] Levasseur, M., Richard, L., Gauvin, L., & Raymond, É. 2010. Inventory and analysis of definitions of social participation found in the aging literature: Proposed taxonomy of social activities. *Social Science & Medicine*, 71(12), 2141-2149.
- [31] Siti Hajar Ibrahim, Siti Aisyah Nordin, Siti Haizani Mat Delin, B.T Seri Tanjung Baharudin, Zainatunnisa Fakurazi & Suhana Saad. 2017. Peranan dan Pengaruh Pemimpin Pendapat dalam Menggalakkan Masyarakat Kampung Terlibat dalam Aktiviti Koperasi: Kajian Kes di Kampung Hulu Chuchoh, Sepang. *e-Bangi*, 14(6).
- [32] Viluckiene, J. 2015. The Relationship between Online Social Networking and Offline Social Participation among People with Disability in Lithuania. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 185, 453-459.
- [33] Stam, D., van Knippenberg, D., Wisse, B., & Nederveen Pieterse, A. 2018. Motivation in Words: Promotion-and Prevention-Oriented Leader Communication in Times of Crisis. *Journal of Management*, 44(7), 2859-2887.
- [34] Oroujlou, N., & Vahedi, M. 2011. Motivation, attitude, and language learning. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 29, 994-1000.
- [35] Muhsin. 2008. Pengaruh Kepemimpinan dan Komunikasi Guru terhadap Motivasi Belajar. *Jurnal Pendidikan Ekonomi*, 3(2).